



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN: IKLAN 93/12/19**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**KETUA PEMBANTU TEKNIK (C.3-4 EB.5)
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. KETUA PEMBANTU TEKNIK
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Pembinaan, Bangunan, Kejuruteraan Alam Sekitar / Kejuruteraan Awam atau bidang yang sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pegawai Lanskap Kanan / Arkitek Keindahan Alam / Pegawai Alam Sekitar dalam menyelaras dan mengurus perlaksanaan tugas-tugas yang berkaitan dengan perancangan, pengurusan, perlaksanaan, pemantauan dan pengawalan hal ehwal yang berhubungkait dengan lanskap, taman dan rekreasi, alam sekitar dan/atau hal ehwal dan sekitar di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.
2. Menyediakan dokumen-dokumen kontrak (yang antara lain termasuk menyediakan spesifikasi, lukisan teknikal, anggaran harga projek *bill of quantities* dan sebagainya) samaada secara tawaran atau sebutuharga untuk projek-projek yang berhubungkait dengan lanskap, taman dan rekreasi dan alam sekitar.



3. Menguruskan dan mengawal selia projek-projek yang berhubungkait taman dan rekreasi, lanskap, alam sekitar seperti pengurusan taman dan lanskap, sisa pepejal dan sisa buangan toksik dan berbahaya, yang antara lain juga termasuk menyediakan sokongan tawaran, pemantauan kemajuan fizikal dan kewangan dan perlaksanaan pembayaran projek-projek berkenaan.
4. Menyediakan dan mengemaskini maklumat-maklumat yang berhubungkait dengan perlaksanaan projek-projek taman dan rekreasi, lanskap, alam sekitar yang diungkayahkan di bawah perbelanjaan Jabatan atau Rancangan Kemajuan Negara.
5. Membuat laporan teknikal dan memberikan khidmat nasihat dalam mengatasi masalah-masalah atau aduan-aduan atau isu-isu yang berhubungkait dengan taman dan rekreasi, lanskap, alam sekitar seperti rekabentuk lanskap, taman dan unsur-unsur pencemaran tanah, udara dan air.
6. Mengendalikan, memeriksa dan memantau projek-projek pemeliharaan lanskap dan taman, pemantauan dan unsur-unsur pencemaran tanah, udara dan air untuk tujuan pengumpulan data, penganalisa, perancangan, memberikan khidmat nasihat dan sebagainya.
7. Melaksanakan penguatkuasaan akta dan peraturan alam sekitar atau mana-mana akta dan peraturan yang berhubungkait dengan kebersihan lanskap, taman dan rekreasi dan alam sekitar.
8. Membantu dalam mengendalikan dan melaksanakan program-program kesedaran awam perihal lanskap, taman dan rekreasi dan alam sekitar.
9. Membantu Pegawai Lanskap Kanan / Arkitek Keindahan Alam / Pegawai Alam Sekitar dalam pengurusan dan pentadbiran am harian bagi pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya.
10. Mengendalikan dan melaksanakan arahan dan tugas-tugas yang diberikan oleh Pegawai Atasan dari semasa ke semasa.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|------------------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Kad Pengenalan.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Lesen Memandu.pdf |



SIJIL Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|----------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | PHD.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | MASTER.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | DEGREE.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HND.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HNC.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | ND.pdf |



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



| | Start Date | To Date | Name And Address of Employer | |
|--|------------|------------|--|--|
| | 01/02/2015 | | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |
| | 01/02/2015 | 31/01/2016 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |
| | 01/02/2014 | 31/01/2015 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |